AGRO BANK

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## KEMPEN JOM CASHLESS DENGAN AGROBANK (MERCHANT)

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1 | Siapakah penganjur bagi Kempen ini? | Kempen ini dianjurkan oleh Agrobank. |
| 2 | Mengapakah Kempen ini dinamakan "Kempen Jom Cashless dengan Agrobank (Merchant)" oleh Agrobank? | Kempen ini memberi galakan kepada Kempen ini adalah khusus bagi Peniaga-peniaga yang berniaga **barangan dan perkhidmatan yang patuh Shariah dari sudut Islam** untuk menaik taraf perniagaan mereka daripada segi cara pembayaran tradisional (tunai) kepada tanpa tunai (*cashless*). |
| 3 | Berapa lamakah tempoh Kempen ini akan dijalankan? | Kempen ini akan dijalankan bermula dari **28 Januari 2025 sehingga 31 Julai 2025.** |
| 4 | Apakah Konsep Syariah bagi Kempen ini? | Konsep Syariah yang diguna pakai bagi Kempen ini adalah prinsip **Hibah Mu'allaqah (Hibah Bersyarat).**<br><br>Berdasarkan kepada prinsip Hibah Mu'allaqah, **pihak Agrobank akan memberikan hadiah kepada pelanggan yang memenuhi segala Terma dan Syarat yang ditetapkan oleh pihak Agrobank dan dikenal pasti sebagai pemenang.** |
| 5 | Siapakah yang layak menyertai Kempen Jom Cashless dengan Agrobank (Merchant) ini? | Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan baharu atau sedia ada Agrobank (peniaga) di seluruh Malaysia yang **berniaga barangan dan perkhidmatan yang patuh Shariah dari sudut Islam** dan menepati Terma dan Syarat Kempen.<br><br>Warga kerja Agrobank tidak layak untuk menyertai Kempen ini. Walau bagaimanapun, Kempen ini masih terbuka kepada ahli keluarga serta saudara-mara warga kerja Agrobank. |

| | | |
|---|---|---|
| 6 | Bagaimanakah pelanggan boleh menyertai Kempen ini? | 1. Bagi entiti syarikat, Pelanggan (Peniaga) perlu memohon **pembiayaan Kredit Mikro** atau membuka akaun **AgroPerdana-*i* PLUS** dan wajib mendaftar:<br>**I. Perbankan Internet Perniagaan (AGRONetBIZ); dan**<br>**II. QR Peniaga Agrobank (*Agrobank QR Merchant*)**<br>a) Bagi pelanggan individu, Pelanggan (Peniaga) perlu membuka akaun AgroTani-*i* PLUS (Akaun Individu) dan wajib mendaftar:<br>**I. Perbankan Internet Mudah Alih (AGRONetMobile)**<br>2. Pelanggan perlu menerima **bayaran melalui DuitNow QR Agrobank sepanjang Tempoh Kempen** mengikut bilangan transaksi yang telah ditetapkan bagi melayakkan diri untuk Hadiah Bulanan dan Cabutan Utama Kempen.<br>3. Bagi **Hadiah Pendaftaran, pembiayaan Kredit Mikro** yang dipohon hendaklah telah diluluskan dan pengeluaran telah dibuat serta menggunakan DuitNow QR Peniaga Agrobank dalam tempoh Kempen. |
| 7 | Bagaimanakah pelanggan mendapatkan peluang untuk memenangi Hadiah bagi Kempen ini? | **1. Hadiah Pendaftaran**: Pembiayaan Kredit Mikro yang dipohon hendaklah telah diluluskan dan pengeluaran telah dibuat dalam Tempoh Kempen.<br>• Peniaga perlu menggunakan DuitNow QR dan menerima **minimum 50 bilangan transaksi** dalam masa Tempoh Kempen.<br>**2. Hadiah Bulanan:** Peniaga menerima transaksi tanpa tunai tertinggi melalui DuitNow QR.<br>• **Peniaga perlu menggunakan QR Peniaga Agrobank** bagi **menerima pembayaran tanpa tunai** dalam Tempoh Kempen dengan **menerima transaksi tanpa tunai melalui DuitNow QR minimum** sebanyak **50 bilangan transaksi**. |

<table>
<tr><td></td><td></td><td>3) Cabutan Utama: Peniaga yang mencapai penggunaan terkumpul minimum 500 bilangan transaksi pembayaran DuitNow QR pada akhir Tempoh Kempen layak menyertai cabutan bertuah.</td></tr>
<tr><td>8</td><td>Apakah Hadiah yang ditawarkan untuk Kempen ini?</td><td>
<table>
<tr><th>Kategori</th><th>Hadiah Bagi Setiap Pemenang</th></tr>
<tr><td>*Hadiah Pendaftaran</td><td>Satu (1) Payung Parasol Agrobank bersaiz 8’ x 8’<br><br>(Satu Payung Parasol Agrobank setiap pemenang)</td></tr>
<tr><td>**Hadiah Bulanan</td><td>RM200<br><br>(15 pemenang setiap bulan)</td></tr>
<tr><td>Hadiah Cabutan Utama</td><td>Satu (1) motosikal setiap Wilayah</td></tr>
</table>
Nota:<br>*Hadiah Pendaftaran (Payung Parasol bersaiz 8’ x 8’ terhad kepada 400 unit terawal.<br>**Pelanggan layak memenangi Hadiah Bulanan maksimum dua (2) kali pada keseluruhan Tempoh Kempen.</td></tr>
<tr><td>9</td><td>Bagaimanakah hadiah yang dimenangi oleh pelanggan akan diberikan kepada pemenang?</td><td>• Hadiah-hadiah yang dimenangi oleh pelanggan akan diberikan seperti berikut:<br>1. Hadiah Pendaftaran: Pihak cawangan Agrobank (cawangan di mana pelanggan membuka akaun) akan membuat panggilan telefon kepada pemenang untuk pelanggan menuntut hadiah di cawangan tersebut.<br>2. Hadiah Bulanan: Hadiah (wang tunai) akan dikreditkan ke dalam akaun Agrobank pemenang selepas pemilihan pemenang telah dibuat.<br>3. Hadiah Cabutan Utama: Pihak cawangan Agrobank (cawangan di mana pelanggan membuka akaun) akan membuat panggilan telefon kepada pelanggan untuk menuntut hadiah di alamat kedai / vendor sah yang dilantik oleh Agrobank.<br><br>Nota: Hadiah akan diberikan kepada pemenang selepas enam puluh (60) hari bekerja selepas tamat Tempoh Kempen.</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| 10 | Bolehkah pelanggan memenangi lebih daripada satu (1) Hadiah dalam Kempen Jom Cashless dengan Agrobank (Merchant) ini? | • Pelanggan adalah layak memenangi hadiah bagi ketiga-tiga kategori (Hadiah Pendaftaran, Hadiah Bulanan dan Hadiah Cabutan Utama)<br>• Bagi **kategori Hadiah Bulanan,** pelanggan adalah layak untuk memenangi hadiah bulanan maksimum dua (2) kali pada keseluruhan Tempoh Kempen.<br>• Manakala bagi **kategori Hadiah Cabutan Utama**, hanya satu (1) pemenang bagi setiap Cabutan Wilayah. |
| 11 | Bagaimanakah pelanggan akan dimaklumkan jika mereka terpilih sebagai pemenang Kempen Jom Cashless dengan Agrobank (Merchant) ini ? | **Pelanggan akan dihubungi oleh cawangan di mana pelanggan membuka akaun yang terlibat di dalam Kempen Jom Cashless dengan Agrobank ini** dan nama pelanggan akan **dipaparkan melalui laman sesawang** Agrobank iaitu www.agrobank.com.my. |
| 12 | Adakah Pemenang dibenarkan untuk menukar Hadiah Pendaftaran yang diperolehi dengan bentuk / barangan lain? | Pemenang **tidak dibenarkan untuk menukar Hadiah yang diperolehi** dengan bentuk / barangan lain dan hadiah tersebut **tidak boleh dipindah milik** kepada pihak ketiga. |
| 13 | Siapa yang perlu saya hubungi sekiranya memerlukan penjelasan atau pertanyaan lebih lanjut mengenai Kempen Jom Cashless dengan Agrobank (Merchant) ini? | • Hubungi Pusat Panggilan Agrobank di **talian 1-300-88-2476** atau;<br>• Layari laman sesawang rasmi Agrobank di **www.agrobank.com.my**; atau;<br>• Lawati / kunjungi **cawangan Agrobank yang berdekatan.** |

Nota: Tertakluk kepada Terma & Syarat Kempen.